

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 APRIL 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jabatan Meteorologi lancar operasi pembenihan awan di Semenanjung dan Sabah	BERNAMA
2.	Kerajaan sedang kaji potensi tenaga angin sebagai tenaga boleh baharu	BERNAMA
3.	Antartika makmal semula jadi dunia	KOSMO
4.	Malaysia bentangkan kajian di SCAR	KOSMO
5.	Kuku tangan dan kaki Kevin Morais tidak dijumpai	BERNAMA
6.	Tiada catatan dibuat oleh tertuduh pertama	Utusan Malaysia
7.	Doctor tells of victim's missing fingernails and toenails	New Straits Times
8.	Teen victims counselled following sex attacks	Malay Mail
9.	Cuaca panas akibatkan petani rugi ratusan juta ringgit	BERNAMA
10.	Ribut Petir dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini	BERNAMA
11.	Gempa bumi sederhana landa laut banda, Indonesia	BERNAMA
12.	EL Nino jimat masa pengeringan	BERNAMA
13.	Gempa bumi kuat berukuran 6.1 pada skala richter landa Kyushu, Jepun	BERNAMA
14.	Specialists warn of Ek Nino affecting eyes	Malay Mail
15.	MDV, Teraju lancar BTF patuh syariah	Utusan Malaysia



Jabatan Meteorologi Lancar Operasi Pembenihan Awan Di Semenanjung Dan Sabah

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Beberapa Operasi Pembenihan Awan (OPA) dijalankan di Semenanjung Malaysia dan Sabah hari ini untuk menghasilkan hujan di beberapa tempat sasaran.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan di sini berkata operasi dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang itu meliputi kawasan Empangan Sepri dan Gemencheh, Negeri Sembilan; Empangan Durian Tunggal, Melaka; Empangan Sultan Iskandar dan Empangan Lingui di Johor.

Menurut kenyataan itu, OPA dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang pula meliputi kawasan Empangan Timah Tasoh di Perlis, Empangan Ahning, Pedu dan Muda di Kedah dan Empangan Bukit Merah di Perak.

Sementara itu, operasi dari Lapangan Terbang Labuan menyasarkan kawasan sekitar Penampang dan Tuaran di Sabah.

Semalam, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata operasi tersebut adalah dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) selain kaedah pembakaran 'flare' oleh pesawat swasta.

-- BERNAMA



Kerajaan Sedang Kaji Potensi Tenaga Angin Sebagai Tenaga Boleh Baharu

KUANTAN, 14 April (Bernama) -- Kerajaan sedang melihat potensi penggunaan tenaga angin sebagai Tenaga Boleh Baharu (TBB) untuk menjana bekalan tenaga elektrik selain solar, biomas, biogas, mini hidro dan geoterma yang sedia ada.

Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga dan Teknologi Hijau) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) Datuk Dr Nadzri Yahaya berkata bagi tujuan itu kajian pemetaan potensi angin termasuk perkiraan mewujudkan kadar 'feed-in tariff' (FiT) tenaga itu sedang dijalankan dua pihak.

"Kajian yang kita mulakan setahun lalu itu hampir selesai. Di bawah KeTTHA kajian ini dibuat oleh SEDA (Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia) dengan menggunakan dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE).

"Sementara satu lagi kajian dibuat UMT (Universiti Malaysia Terengganu) menggunakan dana daripada **MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi)**," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sesi Townhall Perbandaran Rendah Karbon bersama Pihak Berkuasa Tempatan Zon Timur di sini, Khamis.

Nadzri berkata teknologi kincir angin akan digunakan dalam penghasilan tenaga elektrik dengan mengambil kira tahap kelajuan angin bagi memastikan kincir angin berkenaan berfungsi secara efektif.

Beliau berkata kementerian juga telahpun memberi peruntukan kepada sebuah universiti tempatan membuat kajian mengenai penciptaan kincir angin bersesuaian digunakan dalam situasi kekurangan kelajuan angin.

"Antara kawasan dikenal pasti sesuai untuk projek tenaga angin tersebut dijalankan adalah di kawasan sekitar persisiran pantai di Terengganu dan Sabah," katanya.

Nadzri berkata projek penggunaan tenaga angin itu dapat direalisasikan sekiranya kadar FiT berjaya ditetapkan yang dijangka siap dalam tahun ini. Ia mempunyai potensi besar dimajukan seperti tenaga solar.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (K2) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 15 APRIL 2016 (JUMAAT)


K2

MENYELAMI HIDUP ANDA

Kosmo!

● JUMAAT 15 APRIL 2016

Ikuti
kami di
Kosmo.Online



ANTARTIKA MAKMAL SEMULA JADI DUNIA

> Lihat muka 22 & 23

RENCANA
UTAMA



PUSAT Kajian Vernadsky yang dimiliki oleh Ukraine terletak di Marina Point, Pulau Galindez, Antartika.

Antartika satukan saintis seluruh dunia

Penyelidik menghabiskan masa hidup mereka mengkaji organisma hidup di Antartika dan menjalin kerjasama baharu dengan pengkaji-pengkaji dari seluruh dunia.



CHRISTIAN



FAYO



LIPKE

MUSIM sejuk akan menjelma tidak lama lagi dan ia merupakan saat yang dinanti-nantikan oleh para saintis di Antartika untuk pulang ke rumah masing-masing setelah mengasingkan diri di pusat-pusat kajian yang dibina di sekitar rantau berais itu.

Perasaan gembira jelas terpancar pada wajah Bogdan Gavrylyuk, 43, yang merupakan pakar Geofizik dari Ukraine setelah setahun memantau fenomena iklim ke atas sebuah pulau di barat Antartika.

"Semua orang rindukan rumah, keluarga, kekasih dan sahabat yang sudah lama ditinggalkan tetapi ada tugas penting harus dilaksanakan di sini," katanya.

Beliau akan belayar keluar dari Pusat Kajian Vernadsky pada bulan ini sebelum

laut membeku sepenuhnya.

Saintis menyifatkan Antartika sebagai gurun terakhir bumi dan bagi sesetengah orang, ia juga dianggap sebagai syurga kerjasama antarabangsa.

Antartika merupakan rumah kepada beribu-ribu penyelidik dan juruteknik dari pelbagai negara yang berkongsi wilayah di bawah Sistem Perjanjian Antartika (ATS).

Di pejabat Gavrylyuk, skrin komputer berkelip menunjukkan graf data daripada instrumen meteorologi yang ditempatkan di sekitar puncak tiupan angin.

"Kami berkongsi banyak maklumat penting dan menarik dengan negara-negara lain yang turut menjalankan kajian di sini seperti data lapisan ozon, cuaca serta geofizik.

"Ia menjadi amalan kami untuk menjalin kerjasama yang sangat baik antara satu sama lain demi kesejahteraan alam sejagat," jelasnya.

Beliau turut menunjukkan sepasang papan nada yang akan dimainkan pada masa lapang.

"Saya mempunyai gitar, seruling, harmonika dan papan nada yang membantu merehatkan minda setelah bekerja keras menjalankan kajian alam itu," tuturnya.

Menurut Gavrylyuk, Pusat Kajian Vernadsky pada asalnya

dikendalikan oleh Britain sebelum dijual kepada Ukraine pada 1996.

"Stesen itu merupakan salah satu asas penyelidikan bacaan atmosfera yang mendedahkan lubang pada lapisan ozon pada 1980," ujarnya.

Selain itu, Stesen Palmer yang merupakan pusat penyelidikan dimiliki oleh Amerika Syarikat (AS) terletak di utara bualan Antartika.

"Pusat itu sudah bertapak di Antartika selama lima dekad yang menyatukan kami atas dasar sains dan keamanan.

"Jika diperluaskan sempadan Antartika ini sebanyak lima darjah setiap beberapa tahun dalam tempoh lima dekad, ia akan melahirkan keamanan dunia," kata bekas Pegawai Tinggi Jabatan Negara AS untuk Antartika, Ray Arnaudo.

Mangsa politik

Namun, beliau kecewa kerana ramai orang beranggapan kata-katanya itu hanya angan-angan kosong.

Berbicara mengenai perlindungan rantau itu, ATS adalah mangsa kepada politik antarabangsa di luar pantai berais tersebut.

"Antartika secara tradisinya tempat manusia menjalin kerjasama lebih daripada yang mereka lakukan ke atas isu-isu lain," kata Pemangku Pengarah Antartika dan Gabungan Laut Selatan yang merupakan kumpulan badan bukan kerajaan bagi alam sekitar, Claire Christian.

Beliau memberitahu, tumpuan pihaknya kini diberikan kepada isu perubahan iklim kerana menurut kumpulan alam sekitar, Semenanjung barat Antartika semakin panas sebanyak tiga peratus lebih setengah abad yang lalu.

"Kami berharap Suruhanjaya Perjanjian Alam Sekitar Antartika dan Suruhanjaya Pemuliharaan Sumber Hidupan Marin (CCAMLR) akan memberi persetujuan terhadap langkah-langkah untuk melindungi benua ini.

"Terdapat banyak halangan politik dan ia sangat sukar bagi negara-negara ahli CCAMLR untuk bersetuju dengan kawasan perlindungan marin," katanya.

Sementara itu, di Stesen Penyelidikan Saintifik Brown dari Argentina, Ahli



SEORANG penyelidik dari Argentina berdiri di luar Stesen Penyelidikan Saintifik Brown.



ANTARTIKA menjadi tumpuan para saintis dari seluruh dunia untuk menjalankan kajian.

SAMBUNGAN...

KOSMO (K2) : MUKA SURAT 23

TARIKH : 15 APRIL 2016 (JUMAAT)

Biologi, Rocio Fayó dan 10 orang rakannya menjalani kehidupan yang terpencil.

"Tiada sambungan internet di sini. Oleh itu, kumpulan kami mempunyai ikatan silaturahim yang sangat kuat dan bersatu-padu dalam segala hal."

Pantau

"Kami pernah ke puncak Antartika beberapa kali, menikmati pengalaman mendaki dan meluncur jatuh ke dalam salji tebal. Ia sangat menyeronokkan," cerita Fayó, 31, yang berdiri di bawah langit berwarna kelabu di luar pondok kayu tempat mereka berteduh.

Fayó menghabiskan musim panas dengan mengkaji mikro-alga manakala penyelidik-penyelidik yang lain menyediakan kamera untuk memantau penguin di rantau itu.

Ia bagi memastikan penguin tidak terancam dengan perubahan iklim dan aktiviti penangkapan ikan.

Ketua aktivis pemuliharaan penguin daripada Persatuan Pew Charitable Trusts, Andrea Kavanagh berkata, Rusia dan China mahu mengembangkan penangkapan ikan di kawasan berhampiran koloni penguin, sekali gus mengancam haiwan itu.

Antartika merupakan benua paling selatan di dunia yang terletak di kawasan Antartik di Hemisfera Selatan dan dikelilingi oleh lautan selatan.

Keluasannya adalah 14.0 juta kilometer persegi dan merupakan benua kelima terbesar selepas Asia, Afrika, Amerika Utara dan Amerika Selatan.

Keluasan Antartika hampir dua kali ganda saiz Australia dan sebanyak 98 peratus kawasan sekitarnya diselaputi air batu.

Antartika adalah benua paling sejuk, kering dan angin bertiup kencang serta



ANTARTIKA (berwarna merah) merupakan benua paling selatan di bumi.

benua tertinggi. Ia dianggap sebagai gurun dengan curahan hujan tahunan hanya 200 milimeter di sepanjang pantai dan jauh ke pedalaman malah suhunya mencecah -89 darjah Celsius.

Tiada penempatan manusia kekal tetapi terdapat sekitar 1,000 sehingga 5,000 orang tinggal di Antartika sepanjang tahun di stesen kajian di sepanjang benua itu.

Dilindungi

Dianggarkan terdapat lebih 4,000 orang saintis dari pelbagai negara menjalankan penyelidikan berterusan di kawasan itu.

Antartika dilindungi oleh ATS yang ditandatangani pada 1959 oleh 12 negara dan sehingga kini sebanyak 51 negara telah menandatangani.

Perjanjian itu melarang kegiatan ketenteraan, perlombongan atau pengeluaran mineral, uji kaji nuklear, pelupusan sisa nuklear, menyokong penyelidikan saintifik serta melindungi ozon di benua itu.

Dalam pada itu, **Penyelidik makmal dari Stesen Palmer, Carolyn Lipke**, 35, berkata, walaupun datang dari negara berbeza tetapi di Antartika mereka menjadi komuniti yang sangat harmoni dan saling membantu antara satu sama lain.

PENGUIN antara haiwan yang hidup di kawasan Antartika kerana suhu yang sangat sejuk.

RENCANA UTAMA



INFO Antartika

- Antartika berasal daripada perkataan Greek yang bermaksud bertentangan dengan utara
- Benua paling selatan di bumi
- Kutub Selatan terletak di Antartika
- Lebih besar daripada Eropah dan hampir dua kali ganda saiz Australia
- Suhu boleh mencecah sehingga -89 darjah Celsius
- Haiwan yang terkenal hidup di Antartika adalah penguin dan anjing laut
- Kira-kira 90 peratus ais di bumi terdapat di Antartika
- Paras laut akan meningkat sekitar 60 meter jika semua ais di Antartika cair
- Pemanasan global selama beberapa dekad menyebabkan lapisan ais dunia cair dan paras laut meningkat

SAMBUNGAN...
KOSMO (K2) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 15 APRIL 2016 (JUMAAT)

Malaysia bentangkan kajian di SCAR

ANTARTIKA dikenali sebagai tempat yang dipenuhi dengan salji dan ais sehinggakan tiada penempatan kekal ekoran faktor cuaca serta bentuk muka buminya yang beku.

Keunikan wilayah polar itu menjadi tempat tumpuan para saintis dari seluruh dunia untuk melakukan pelbagai kajian berkaitan alam semula jadi, sains dan teknologi.

Ketua Ekspedisi Penyelidikan Antartika Malaysia 2016, Dr. Mohamad Huzaimy Jusoh berkata, Antartika dikenali sebagai makmal semula jadi yang terbesar di dunia.

"Ia menjadi tempat pilihan para saintis kerana Antartika sangat

asli dan tidak diganggu oleh aktiviti manusia serta kemajuan teknologi yang membolehkan hasil kajian sangat tepat.

"Sehubungan itu, Malaysia tidak mahu ketinggalan untuk turut sama menjalankan kajian dan saya bersama tujuh orang pengkaji berangkat ke Antartika pada 18 Januari lalu," kata Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor itu.

Terangnya, Antartika tidak dimiliki oleh mana-mana negara dan ia dilindungi melalui Sistem

Perjanjian Antartik. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menganggotainya.

"Oleh itu, ekspedisi tersebut sangat penting kepada Malaysia yang merupakan anggotanya dan membuktikan bahawa kita juga mampu membuat kajian setaraf negara-negara lain walaupun tidak mempunyai stesen tetap.

"Kajian yang dijalankan oleh penyelidik negara ini turut dicadangkan kepada stesen-stesen lain untuk meneruskan pemantauan yang sama kerana kami berada di sana selama 22 hari," ujarnya.



MOHAMAD HUZAIMY

Menurut Mohamad Huzaimy, mereka menjalankan kajian mengenai alam sekitar, angkasa dan elektromagnetik, geologi serta sains marin.

Mengulas mengenai kajian yang dijalankan oleh lapan orang penyelidik itu, Mohamad Huzaimy memberitahu, ia kini berada di peringkat akhir dan akan dibentangkan pada Persidangan Sains Jawatankuasa Saintifik Penyelidikan Antartika (SCAR) pada 20 hingga 30 Ogos ini.

SCAR akan dihadiri oleh para pengkaji dari seluruh dunia dan Malaysia merupakan tuan rumah pada kali ini yang bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



Kuku Tangan Dan Kaki Kevin Morais Tidak Dijumpai - Pakar Forensik

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Kuku tangan dan kaki Timbalan Pendakwa Raya Datuk Anthony Kevin Morais tidak dijumpai pada jasadnya kerana jasad itu mengalami proses pembusukan, Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu.

Pakar Perunding Perubatan Forensik, Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Nurliza Abdullah, 51, berkata kesemua kuku tangan dan kaki Kevin Morais sudah tertanggal bersama kulit yang sudah mengelupas.

Beliau berkata demikian ketika pemeriksaan balas peguam Datuk Geethan Ram Vincent pada perbicaraan hari keenam kes pembunuhan Kevin Morais.

Enam lelaki - G.Gunasekaran, 48, R.Dinishwaran, 24, A.K. Thinesh Kumar, 23, M.Vishwanath, 26, S.Nimalan, 23, dan S.Ravi Chandaran, 45, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan membunuh Kevin Morais antara 7 pagi dan 8 malam, 4 Sept, 2015, di antara Jalan Dutamas Raya Sentul dan No.1 Jalan USJ1/6D, Subang Jaya.

Kol Dr R. Kunasegaran, 53, yang merupakan tertuduh pertama, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan bersubahat dengan enam lelaki itu dalam pembunuhan Kevin Morais di tempat, tarikh dan masa sama.

Ketika ditanya Geethan sama ada Dr Nurliza menjumpai kuku tangan dan kaki dalam karung guni selepas mayat dikeluarkan, pakar forensik itu menjawab kuku tidak kelihatan dalam karung guni berkenaan kerana dipenuhi kotoran dan kulit mangsa.

"Saya tidak meneliti karung guni itu secara terus kerana perlu beri kepada pihak polis untuk diserahkan kepada [Jabatan Kimia](#) bagi pemeriksaan lanjut," katanya.

Dr Nurliza juga bersetuju dengan cadangan Geethan bahawa penelitian yang minimum ketika memeriksa karung guni itu menyebabkan kuku tangan dan kaki tidak dijumpai dan beliau juga tiada alasan kukuh untuk menjelaskan sebab kuku itu tidak dijumpai.

Menjawab kepada Geethan sama ada terdapat kebarangkalian kuku kaki tertinggal pada stokin si mati ketika membukanya, Dr Nurliza berkata kuku itu tidak kelihatan walaupun telah membuat pemeriksaan.

Geethan: Jadi ke mana perginya kuku itu?

Dr Nurliza: Saya tidak tahu.

Geethan: Ini adalah luar biasa. Setuju?

Dr Nurliza: Tidak setuju.

Dr Nurliza yang berpengalaman selama 20 tahun dalam bidang forensik bagaimanapun tidak menolak kemungkinan kuku masih ada dalam tempoh 14 hari selepas kematian seseorang bergantung kepada faktor persekitaran.

Beliau turut memaklumkan anggaran waktu kematian Kevin Morais juga tidak boleh diberikan hanya berdasarkan tahap pereputan mayat.

Mengenai keadaan lebih gelap yang dikesan pada bahagian muka Kevin Morais itu, sama ada sampai ke bahagian leher dan atas dada, Dr Nurliza berkata: "tidak kesemua bahagian leher dan tidak ketara di bahagian atas dada tetapi lebih ketara di bahagian muka".

"'Darker discolouration' di bahagian muka kerana berlaku kongesi," katanya.

Beliau turut tidak bersetuju dengan cadangan Geethan bahawa dalam proses pereputan bahagian muka akan selalu kelihatan lebih gelap.

Berikutan itu, Geethan mencadangkan terma "post mortem hypostasis", yang bergerak mengikut graviti, bagi menjelaskan keadaan "darker discolouration" yang dikesan pada bahagian muka Kevin Morais.

Geethan: Dalam kes ini, sekiranya si mati dijumpai di dalam tong dram sejurus selepas kematiannya dengan posisi muka ke bawah, maka 'hypostasis' akan berada pada bahagian muka. Betul?

Dr Nurliza: Ya.

Geethan: Adakah 'hypostasis' menyebabkan 'darker discolouration'?

Dr Nurliza: Kemungkinan itu ada.

Geethan: Jadi, apa yang terlihat pada jasad mayat (Kevin Morais), 'darker discolouration' pada muka adalah disebabkan 'hypostasis'?

Dr Nurliza: Tidak setuju Yang Arif.

Geethan: Dapatan doktor bahawa berlakunya kongesi adalah tidak tepat kerana badan telah mereput?

Dr Nurliza: Tidak setuju Yang Arif.

Perbincangan di hadapan Hakim Datuk Azman Abdullah bersambung esok.

-- BERNAMA

Sekadar duduk bersahaja sambil bersandar di dinding kandang tertuduh

Tiada catatan dibuat oleh tertuduh pertama

Oleh SUWARNI MOKHTAR
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR
14 APRIL

BUAT pertama kali, sejak pihak pendakwaan memanggil ahli kimia dan pakar patologi untuk memberi keterangan dalam perbicaraan kes bunuh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Anthony Kevin Morais, tertuduh pertama, Kolonel Dr. R. Kunaseegaran dilihat tidak membuat sebarang catatan.

Sebaliknya, Ketua Makmal Patologi, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (HATTM) yang kini sedang digantung tugas sekadar duduk bersahaja sambil bersandar pada dinding kandang tertuduh dan ada kalanya dilihat seperti sedang mengunyah sesuatu.

Keadaan tersebut berlarutan sehingga tamat prosiding di

Perbicaraan
kes bunuh
**KEVIN
MORAIS**




Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

Kunaseegaran, 53, dilihat mula membuat catatan dengan tekun ketika saksi pendakwa kesembilan, Ketua Unit DNA Jenayah, Jabatan Kimia Malaysia, Nor Aidora Saedon memberi keterangan pada hari kedua perbicaraan dan ketika Pakar Perunding Perubatan Forensik, Jabatan Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr. Nurliza Abdullah dipanggil sebagai saksi, dua hari lalu.

Hari ini, peguam keduanya, Datuk Geethan Ram Vincent meneruskan soal balas ke atas Nurliza yang merupakan saksi pendakwaan ke-11 dan akan menyambung sesi soal balas terhadap saksi sama esok.

Pakar patologi tentera itu didakwa bersubahat dengan enam lelaki untuk membunuh Kevin



G.KUNASEEGARAN

Morais, 55, dalam perjalanan dari rumah mangsa di Jalan Dutamas Raya, Sentul di sini ke No. 1, Jalan

USJ 1/6D Subang Jaya dekat sini, antara pukul 7 pagi dan 8 malam, 4 September 2015.

Pertuduhan terhadap Kunaseegaran dikemukakan mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 302 akta sama.

Enam lagi tertuduh iaitu empat penganggur, G. Gunasekaran, 48; R. Dinishwaran, 24; A.K. Thinesh Kumar, 23; M. Vishwanath, 26; pelajar kolej, S. Nimalan, 23, dan pemberi pinjaman wang, S. Ravi Chandaran, 45, didakwa membunuh mangsa pada masa, tarikh dan tempat sama dan dituduh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Kedua-dua seksyen tersebut memperuntukkan hukuman mati mandatori.

Selain tuduhan membunuh tersebut, pegawai tentera itu turut menghadapi satu lagi tuduhan di Mahkamah Sesyen Shah Alam membabitkan kes rasuah RM700,000 dengan pendakwaannya dikendalikan oleh Kevin Morais.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 15 APRIL 2016 (JUMAAT)

Doctor tells of victim's missing fingernails and toenails

KUALA LUMPUR: The fingernails and toenails of the late deputy public prosecutor Datuk Anthony Kevin Morais were not found on the body because of decomposition, the High Court was told on the sixth day of the murder trial.

Forensic medical consultant at Kuala Lumpur Hospital (HKL), Dr Nurliza Abdullah said that the fingernails and toenails had fallen off with his peeling skin.

During cross-examination by counsel Datuk Geethan Ram Vincent on whether she had found any of the victim's nails inside the gunny sack she had inspected, Dr Nurliza said the sack was filled with dirt and some of the victim's skin that had fallen off.

"I did not get to inspect the sack

thoroughly as it had to be handed over to the police for further examination by the Chemistry Department," she said.

She said she had conducted only a minimum inspection on the gunny sack, and that was why she did not see any of the victim's fingernails or toenails inside the sack.

To a question by Geethan whether the toenails were found inside the victim's socks, Dr Nurliza said she could not find any, even after she had examined the socks.

"Where did the fingernails and toenails go? This is extraordinary, do you agree?" he asked.

Dr Nurliza disagreed.

To another question, Dr Nurliza said when she examined the body, the discolouration of the skin, which

was determined to be due to congestion, was also seen at the neck and upper chest.

"The most visible discolouration was on the victim's face, which was darker than any other part of his body," she said, disagreeing with the counsel's suggestion that in a decomposition process, the face would always appear darker.

Geethan then proposed the term "hypostasis", in which blood had a tendency to sink by force of gravity to explain the darker discolouration of the skin on the face of the deceased.

"In this case, the deceased was found in a drum after his death and his body was face down, so 'hypostasis' will be on the face, am I right?" asked Geethan.

Dr Nurliza: Yes.

Geethan: So, does 'hypostasis' cause darker discolouration of the skin?

Dr Nurliza: There is a possibility.

Geethan: What could be seen on Morais's body was darker discolouration on the face. Would you agree if I say that it was caused by 'hypostasis'?


Dr Nurliza: No, I do not agree.

Geethan: Through your findings, the occurrence of congestion is not accurate as the body was decomposing?

Dr Nurliza: I do not agree.

The trial continues today before judge Datuk Azman Abdullah.

On Jan 27, six men — G. Gunasekaran, 43, R. Dinishwaran, 23, A. Thinesh Kumar, 22, M. Vish-



wanath, 25, S. Nimalan, 22, and S. Ravichandaran, 34 — claimed trial to murdering the 55-year-old Morais.

They were alleged to have committed the offence between 7am and 8pm on Sept 4, 2015.

On the same day, army pathologist Colonel Dr R. Kunasegaran claimed trial to abetting the six.

Teen victims counselled following sex attacks

By Emmanuel Santa Maria Chin
emmanuel@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — Three teenagers who were alleged to have been sexually abused by a policeman while being detained at the Jinjang Centralised lockup last Sunday, were given post-traumatic counselling soon after they reported the incident to police.

Inspector-General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar said the teenagers were detained at the lockup as the offence they were being investigated for was serious.

"They were being investigated for rioting and we can't just cut short their remand order. However, we made sure they were given preferential treatment where a counsellor attended to them at the juvenile cell.

Khalid said police and the Malaysian Institute of Microelectronic Systems (Mimos), had made headway in reviewing the Self-Monitoring Analytics Reporting Technology (SMART) system which was pioneered at the Jinjang lockup.

He said only the first floor of the Jinjang lockup was equipped with the SMART system, while the ground floor still maintained the old surveillance cameras.

"We will review the coverage of the surveillance cameras installed at the detention centre," he said.

Khalid said police and Mimos were working to improve the system and were in the process of applying for allocations from the government.

"Depending on the allocation we receive, we will decide on the areas that need immediate improvement and will work to rectify it," he said.

Khalid also commented on several other topics of public interest, such as the investigations into state-owned investment fund 1Malaysia Development Berhad (1MDB), and the confusion over



National Blood Centre director Dr Noryati Abu Amin (left) speaks with Khalid as officers donate blood at the Police Training Centre in Kuala Lumpur yesterday.

the effects of poppy seeds.

1MDB

Khalid said police have received and examined the Public Accounts Committee (PAC) report, and have opened two investigations papers, one for criminal breach of trust and another for cheating.

He said a taskforce comprising criminal and commercial crime investigators, led by him, was formed after the report was presented in Parliament.

Khalid said a few of those involved in the investigations have already been called up to have their statements recorded.

"Several, including the company's former chief executive officer Datuk

Shahrol Azral Ibrahim Halmi, will be called in to facilitate investigations. I hope all parties will cooperate with our investigations."

He said those working for companies implicated in the report would also be called in.

"We will be looking to establish if there was any criminal element involved in the company's administrative undertakings."

Poppy seeds

On another matter, Khalid assured the public that police would not take action against those using poppy seeds in their cooking.

"The opiate content in the seed has a low potency, and would not cause

someone to fail a drug screening if they consumed it," he said, adding that many considered it a common spice in local cuisine.

However, he advised against consuming the seeds in large quantities as the effects were not documented.

"Do not over-consume the seeds, as that could lead to possible hallucinations," said Khalid after launching a blood donation drive at the Kuala Lumpur Police Training Centre (Pulapol) yesterday, in conjunction with the 209th Police Day celebrations.

Khalid said the annual blood donation drive was their contribution to society.

The force alone has donated almost 30,000 pints of blood to the National Blood Centre since 2013.



Cuaca Panas Akibatkan Petani Johor Rugi Ratusan Ribuan Ringgit



Pekebun pisang dari Johor Daud Md Don (kanan) dan Mohd Zulhairi Zulkifli terpaksa menggembur tanah bagi memudahkan air yang disiram meresap ke akar pokok pisang yang kering akibat cuaca panas

JOHOR BAHRU, 14 April (Bernama) -- Cuaca panas yang sedang melanda negara ketika ini menyebabkan ada petani di Johor kerugian ratusan ribuan ringgit akibat kerosakan tanaman mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Ismail Mohamed berkata kategori tanaman yang paling terkesan akibat perubahan cuaca itu ialah sayur-sayuran yang rosak melibatkan kawasan pertanian hampir 70.4 hektar.

Di daerah Mersing, tanaman sayur-sayuran di atas tanah seluas 17.6 hektar rosak menyebabkan 11 petani kerugian RM98,000 manakala di Segamat, 43 petani rugi RM132,000 setelah tanaman mereka di atas kawasan seluas 52.81 hektar rosak.

"Nilai keseluruhan kerosakan melibatkan sayur-sayuran sahaja sebanyak RM230,000," kata beliau yang dihubungi Bernama di sini hari Khamis.

Katanya, bagi buah-buahan pula, 41 petani mengadu kerugian RM215,000 selepas tanaman mereka di kawasan seluas 108 hektar rosak. Ini turut melibatkan petani di Segamat dan Mersing.

Cuaca panas melampau juga turut mendatangkan kesan terhadap tanaman padi dan cendawan di daerah Kluang dan Mersing.

Difahamkan tiga pengusaha padi dan seorang pengusaha cendawan masing-masing kerugian RM14,000 dan RM9,000 setelah tanaman padi seluas 28 hektar dan tanaman cendawan di atas kawasan seluas 0.1 hektar musnah.

Sehubungan itu Ismail berkata, Jabatan Pertanian akan memberikan bantuan ihsan kepada mereka yang terjejas bagi membantu memulihkan semula projek pertanian mereka yang berskala kecil.

"Bantuan bukan bertujuan membayar ganti rugi kepada kerosakan akibat bencana dan bantuan adalah dalam bentuk input pertanian seperti baja, benih dan peralatan terpilih berjumlah maksimum RM1,000 bagi kategori buah-buahan dan RM2,000 untuk sayur-sayuran.

"Bagaimanapun, ia tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan," katanya.

Jabatan Meteorologi dalam lawannya meramalkan tiada hujan akan berlaku di sesetengah tempat di Johor bermula hari ini hingga Selasa depan dengan suhu cuaca adalah sekitar 31 darjah celsius.

--BERNAMA



Ribut Petir Dijangka Berterusan Sehingga Lewat Pagi Ini



Gambar Hiasan

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Ribut petir dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini di perairan Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor Barat.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi, keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj serta laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

Situasi sama juga berlaku di perairan Selat Melaka.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Sederhana Landa Laut Banda, Indonesia

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.6 pada skala Richter berlaku di Laut Banda, Indonesia pada 7.15 pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan berkata lokasi kejadian gempa 456km selatan Ambon, Indonesia dan 1,732km tenggara Semporna, Sabah.

Bagaimanapun, gempa itu tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA



El Nino Jimat Masa Pengeringan Ikan Kering, Keropok



Pekerja menjemur ikan untuk dijadikan ikan masin di Kampung Pantai Geting, Tumpat Kelantan Oleh Rohaiza Ab Rahman

TUMPAT, 15 April (Bernama) -- Cuaca panas berikutan fenomena El Nino memberi kelebihan kepada pengusaha ikan kering dan keropok sekitar pantai Geting di sini apabila hanya perlu memperuntukkan lebih kurang sehari untuk proses pengeringan berbanding tiga hingga empat hari sebelum ini.

Pengusaha ikan kering, Mohd Al Amin Ghazali, 27, berkata sejak dua bulan lepas proses pengeringan menjadi lebih cepat sekali gus menjimatkan masa dan tenaga pekerjanya.



"Proses menyusun ikan kering di atas jaring buluh kini dilakukan lebih awal iaitu sebelum pukul 8 pagi kerana cuaca sudah mula panas pada 9 pagi.

"Ikan yang dijemur mula kering dengan sempurna dan boleh diangkat kira-kira 3 petang," katanya kepada Bernama ketika ditemui di Kampung Pantai Geting di sini.

Mohd Al Amin berkata dengan penjimatan masa itu beliau yang dibantu enam pekerjaanya mampu menghasilkan antara 400 dan 500 kilogram ikan kering sehari.

Anak bongsu daripada lapan beradik yang mengambil alih perniagaan keluarganya sejak tujuh tahun lepas itu, berkata proses pengeringan yang lebih cepat itu mampu menghasilkan ikan kering yang lebih sedap berbanding yang dijemur melebihi empat hari.

Mohd Al Amin berkata ikan kering yang dihasilkan ketika ini kebanyakannya adalah sebagai stok untuk memenuhi permintaan pemborong dan kenduri yang biasanya diadakan pada musim cuti persekolahan.

Dalam keghairahan menghasilkan ikan kering itu, beliau tetap mementingkan aspek penjagaan kesihatan terutama kepada pekerjaanya agar sentiasa mengambil air kosong yang mencukupi selain memakai topi dan baju lengan panjang.

Sementara itu, pengusaha keropok Alias Fauzi, 24, berkata langkah beliau memulakan perusahaan keropok keping sebulan lepas amat tepat apabila keadaan cuaca panas ketika ini banyak membantu melancarkan kerja pengeringan produk makanan itu.

"Proses pengeringan keropok berjalan dengan lancar dan hanya memerlukan masa tidak sampai sehari. Hasilnya juga amat memuaskan dan mendapat maklum balas positif daripada pelanggan," katanya.

Alias berkata berdasarkan keadaan cuaca ketika ini, beliau mampu mengeringkan kira-kira 100 kilogram keropok sehari dan beliau akan memanfaatkan cuaca panas itu untuk meningkatkan pengeluaran sebagai stok bekalan beberapa bulan akan datang.

Mengikut laman sesawang [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), suhu Kelantan semalam adalah 38.5 darjah celsius berbanding 36 darjah celsius yang dicatatkan sehari sebelum itu.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Kuat Berukuran 6.1 Pada Skala Richter Landa Kyushu, Jepun

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Satu gempa bumi kuat berukuran 6.1 pada skala Richter melanda Kyushu di Jepun pada 8.26 malam ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) dalam satu kenyataan memaklumkan pusat gempa ialah 33.0 darjah utara dan 130.7 darjah timur, 22 kilometer dari Kumamoto Jepun.

Tiada ancaman tsunami direkodkan, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

Specialists warn of El Nino affecting eyes

KUALA LUMPUR — The current hot weather brought on by the El Nino phenomenon since January will not only cause heatstroke, but can also affect the eyes.

Tun Hussein Onn National Eye Hospital Medical Advisory Committee chairman Dr Pall Singh said people, especially those who suffer from dry eyes, needed to emphasise on eye care by avoiding prolonged exposure to the sun.

Dr Pall Singh, who is also a senior consultant ophthalmologist, said those who suffer from dry eyes should use eye drops frequently to avoid irritation.

"Apart from using the drops, the public, especially those who have dry eyes, should wear sunglasses to protect the eyes from ultraviolet rays. But make sure the sunglasses are of good quality,"

he said when contacted.

He said those who wear contact lenses should also use eye drops regularly to avoid the same problem.

"If they still feel the irritation even after frequent use of eye drops, then I advise them to seek immediate medical attention," said Dr Pall.

Malaysian Doctors' Club president Dr Muhammad Hakim Nordin said the El Nino phenomenon could also cause eye fatigue and dehydration.

If eye care is neglected, he said the dry eye surface could cause infection of the eye or eyelid or even more serious problems such as inflammation of the eye tissues.

"Senior citizens, children and babies are at risk of these problems. I find that senior citizens tend to have inflamed

eyes or keratitis where the eyes become red and sore," he said.

Dr Hakim said children and babies were prone to have tear gland malfunction due to the hot weather, which would lead to excessive eye discharge when they woke up in the morning.

Dr Hakim said during hot weather, small insects such as ants, mosquitoes and bees were likely to enter homes and this increases the risk of people getting bitten or stung.

"Individuals who are allergic to insect bites may face the risk of inflammation of the eyes that causes swollen, watery and itchy eyes," he added.

According to the Malaysian Meteorological Department, the hot spell was expected to persist until the end of May or June. — Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 15 APRIL 2016 (JUMAAT)

MDV, Teraju lancar BTF patuh syariah

KUALA LUMPUR 14 April - Malaysia Debt Ventures Bhd. (MDV) dengan kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) melancarkan Dana Teknologi Bumiputera (BTF) untuk syarikat-syarikat berasaskan teknologi untuk memudahkan pengembangan perniagaan mereka melalui kemudahan modal kerja dan pembiayaan aset patuh syariah.

Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Korporat MDV, Nizam Mohamed Nadzri berkata, MDV dan Teraju kini menawarkan dana berjumlah RM100 juta menerusi BTF yang boleh diakses kepada syarikat-syarikat berasaskan teknologi bumiputera yang disenaraikan di bawah program Teraju iaitu Program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (Superb) dan Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (Teras).

Ujarnya, BTF merupakan satu inisiatif progresif daripada perspektif dua mandat yang digalas oleh MDV untuk menyediakan pembiayaan pembangunan dan latihan bagi syarikat teknologi PKS dalam cara yang mampan, terutamanya sebagai dana yang akan membiayai graduan program Superb yang memerlukan bimbingan bagi mencapai matlamat mereka.

"BTF dijangka memastikan ekosistem pembiayaan yang lebih menyeluruh untuk syarikat-syarikat bumiputera, khususnya syarikat-



syarikat berasaskan teknologi."

"Dana itu juga menyasarkan untuk mengisi jurang pembiayaan yang wujud bagi syarikat-syarikat permulaan di bawah Superb, sebagai program pembiayaan susulan kepada bantuan yang diterima daripada Teraju," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, semua permohonan yang dibuat untuk pembiayaan di bawah dana tersebut tertakluk kepada penilaian berdasarkan kriteria risiko kredit MDV dan juga proses penilaian risiko, yang menjurus ke arah membiayai projek dan syarikat-syarikat teknologi.

Katanya, bagi syarat kelayakan untuk mendapat pembiayaan di bawah program BTF, syarikat Teras dan Superb mestilah diperbadankan di Malaysia dengan modal berbayar minimum sebanyak RM100,000 serta mempamerkan status projek berasaskan teknologi yang baik dan berdaya maju.

"Kemudahan pembiayaan yang ditawarkan adalah serendah RM500,000 sehingga maksimum RM5 juta," katanya.